

Bermula pada Januari 2016, Nombor Keselamatan Sosial dan Cukai (juga dikenali sebagai Nombor Individu atau "Nombor Saya") digunakan dalam bidang keselamatan sosial, cukai dan tindak balas bencana.

1. Apakah Nombor Individu?

Nombor Individu (digelar "Nombor Saya") adalah nombor 12-digit yang diberikan kepada individu yang tinggal di Jepun di bawah Sistem Nombor Keselamatan Sosial dan Cukai. Nombor ini digunakan dalam bidang keselamatan sosial, cukai dan tindak balas bencana. Sistem ini berfungsi sebagai infrastruktur sosial bagi meningkatkan ketelusan pentadbiran, memberi kemudahan yang lebih besar kepada orang ramai dan mewujudkan masyarakat yang adil dan saksama.

Warga asing yang didaftarkan sebagai penduduk di Jepun (penduduk jangka sederhana, penduduk jangka tetap khas dan lain-lain) juga akan menerima Nombor Individu mereka.

2. Pemberitahuan Nombor Individu anda

- ◆ Jika anda berdaftar sebagai penduduk di Jepun, Nombor Individu anda dicetak pada kad pemberitahuan yang anda terima daripada pejabat perbandaran untuk alamat berdaftar anda.

(Kad pemberitahuan tidak mempunyai tarikh luput. Jangan buang kad pemberitahuan anda. Anda mesti menyimpannya dengan selamat.)

- ◆ Warga asing yang memasuki Jepun dengan status penduduk jangka sederhana hingga jangka panjang akan menerima Nombor Individu mereka pada masa pendaftaran penduduk.

3. Masa untuk menggunakan Nombor Individu

- ◆ Anda akan menunjukkan Nombor Individu anda kepada pejabat cukai bagi prosedur cukai, seperti apabila memfailkan penyata cukai anda untuk tahun 2016 dan seterusnya.
- ◆ Anda akan menunjukkan Nombor Individu anda kepada majikan anda untuk kegunaan prosedur cukai dan keselamatan sosial.
- ◆ Anda akan menunjukkan Nombor Individu anda kepada firma sekuriti dan syarikat insurans bagi prosedur cukai.
- ◆ Anda akan menunjukkan Nombor Individu anda kepada pejabat perbandaran anda bagi menerima manfaat kebajikan dan prosedur di bawah program Insurans Kesihatan Kebangsaan dan Insurans Penjagaan Kejururawatan.
- ◆ Anda akan menunjukkan Nombor Individu anda kepada bank atau pejabat pos semasa menghantar atau menerima wang kepada atau daripada negara-negara lain.

Perhatian: Dalam prosedur di atas, organisasi yang mengendalikan Nombor Individu anda akan menghalang penipuan identiti dengan mengesahkan (1) kesahihan nombor tersebut dan (2) identiti pemegang kad.

Oleh kerana kad pemberitahuan hanya boleh membuktikan nombor individu, anda perlu mengemukakan dokumen ID peribadi (misalnya, kad penduduk, sijil penduduk tetap khas).

4. Apakah yang dimaksudkan dengan Kad Nombor Individu (Kad Nombor Saya)?

- ◆ Kad ini membuktikan kedua-duanya iaitu Nombor Individu dan identiti anda dalam sebarang prosedur yang berkaitan dengan Nombor Individu. Ia juga berfungsi sebagai kad ID rasmi anda.
- ◆ Anda boleh memohon Kad Nombor Individu. Beberapa pilihan permohonan disediakan, seperti mengembalikan borang permohonan melalui pos (diterima dengan kad pemberitahuan anda) dengan gambar muka anda dilampirkan atau memohon secara dalam talian melalui PC atau telefon pintar. Pengeluaran pertama Kad tersebut adalah percuma.

- ◆ Sebaik sahaja anda telah memohon Kad Nombor Individu, anda akan menerima poskad yang menyatakan bahawa Kad anda sudah sedia untuk dikeluarkan. Anda boleh mengambil Kad anda di pejabat perbandaran dengan membawa (1) poskad ini, (2) kad pemberitahuan anda dan (3) ID peribadi anda (kad penduduk dan lain-lain). Anda perlu menetapkan nombor pengenalan peribadi pada masa kad dikeluarkan.
- ◆ Kad Nombor Individu anda sah digunakan sehingga ulang tahun kelahiran anda yang kesepuluh selepas pengeluaran jika anda berumur 20 tahun atau ke atas, atau sehingga ulang tahun kelahiran anda yang kelima jika anda berumur di bawah 20 tahun. Ambil perhatian bahawa tarikh luput mungkin berbeza bergantung pada tempoh bermastautin anda atau syarat lain.
- ◆ Kad ini mengandungi cip IC, yang boleh menyimpan sijil elektronik yang digunakan untuk penghantaran penyata cukai dalam talian dan prosedur lain.
- ◆ Di sesetengah majlis perbandaran, Kad ini boleh digunakan untuk menerima perkhidmatan awam (misalnya, perkhidmatan perpustakaan awam, pengeluaran sijil pendaftaran yang dimeterai) atau untuk mendapatkan salinan sijil penduduk anda di kedai serbaneka.
- ◆ Cip IC akan mengandungi nama, alamat, Nombor individu dan maklumat lain yang dicetak di muka Kad ini. Tiada maklumat peribadi yang sangat sensitif, seperti pendapatan anda, akan direkodkan.
- ◆ Walaupun selepas menerima Kad Nombor Individu, anda masih perlu menyimpan kad penduduk anda, sijil penduduk tetap khas dan lain-lain

5. Langkah berjaga-jaga dalam pengendalian Nombor Individu

- ◆ Apabila alamat atau maklumat lain yang dinyatakan dalam kad pemberitahuan atau Kad Nombor Individu perlu dikemas kini, sila hubungi pejabat perbandaran.
- ◆ Tiada siapa dibenarkan untuk mengguna atau mengumpul Nombor Individu melainkan jika dibenarkan oleh undang-undang. Apabila seseorang bertanyakan Nombor Individu anda, pastikan untuk menyemak individu yang akan menggunakannya dan mengetahui tujuan penggunaan tersebut.
- ◆ Mana-mana individu yang secara tidak sah mendapatkan Nombor Individu orang lain akan dihukum.
- ◆ Jangan memberitahu Nombor Individu anda secara cuai kepada orang lain, terutamanya semasa panggilan telefon yang mencurigakan.

6. Pertanyaan mengenai Nombor Individu

- ◆ Nombor telefon bebas tol, boleh didapati dalam bahasa Inggeris, Cina, Korea, Sepanyol dan Portugis
 - 0120-0178-26 Pertanyaan mengenai Sistem Nombor Keselamatan Sosial dan Cukai**
 - 0120-0178-27 Pertanyaan mengenai kad pemberitahuan dan Kad Nombor Individu**
 9:30–20:00 pada hari bekerja, 9:30–17:30 hujung minggu dan cuti umum (ditutup pada akhir tahun/cuti Tahun Baharu)
 - Bagi penggantungan kecemasan Kad Nombor Individu anda disebabkan oleh kehilangan atau kecurian, sila hubungi 0120-0178-27, boleh didapati 24 jam, 7 hari seminggu.
- ◆ Maklumat tentang Nombor Individu boleh didapati dalam pelbagai bahasa di laman web berikut:
 - Seketariat Kabinet: <http://www.cas.go.jp/jp/seisaku/bangoseido/>
 - J-LIS: <https://www.kojinbango-card.go.jp/>



Setiap orang diberikan Nombor Individu yang unik. Sila berhati-hati semasa menggunakannya!